



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 4/2023**

**Ekonomi Malaysia mengekalkan prestasi menaik pada Februari 2023
seperti yang ditunjukkan oleh petunjuk ekonomi utama bulanan**

PUTRAJAYA, 28 April 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 4/2023**. Edisi kali ini menumpukan kepada statistik terkini yang diterbitkan bagi bulan Februari 2023 dan beberapa statistik akan datang untuk bulan Mac 2023. Selain itu, edisi ini juga turut memaparkan artikel bertajuk “Menggunakan Analisis Input-Output, Menganggar Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Ekonomi Malaysia” yang memfokuskan kesan pandemik terhadap output dan nilai ditambah di Malaysia dan seterusnya menentukan sektor yang terjejas menggunakan analisis Input-Output.

Meninjau senario ekonomi global, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) melalui laporan Tinjauan Ekonomi Dunia (WEO) April 2023 meramalkan ekonomi global tumbuh 2.8 peratus pada 2023 dan 3.0 peratus pada 2024. Peningkatan kos sara hidup, keadaan kewangan yang semakin ketat dan pandemik COVID-19 yang berterusan telah menjejaskan prospek ekonomi.

Melihat kepada petunjuk ekonomi negara terkini, Ketua Perangkawan menjelaskan, “Jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pertumbuhan dua digit pada Februari 2023, meningkat 11.0 peratus daripada RM184.7 bilion pada Februari 2022 kepada RM205.0 bilion. Eksport tumbuh 9.8 peratus kepada RM112.3 bilion, manakala import melonjak 12.4 peratus untuk mencapai RM92.7 bilion. Namun begitu, jumlah dagangan menyusut 1.6 peratus pada Mac 2023, untuk merekodkan nilai RM232.7 bilion berbanding RM236.5 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya.”

Beliau seterusnya menyatakan, “Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia juga kembali mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 10.3 peratus kepada RM145.2 bilion pada Februari 2023 disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (14.3%), Produk makanan, minuman & tembakau (14.0%) dan Peralatan elektrik & elektronik (10.0%). Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang menyumbang 71.1 peratus daripada jumlah jualan mencatatkan pengembangan memberangsangkan 10.0 peratus pada Februari 2023. Begitu juga industri berorientasikan domestik yang meningkat 11.0 peratus. Seterusnya, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia bertambah baik kepada 3.6 peratus pada Februari 2023 berbanding bulan yang sama pada 2022. Pengembangan pada Februari diterajui oleh sektor Pembuatan yang meningkat sebanyak 4.9 peratus (Januari 2023: 1.3 peratus) dan sektor Elektrik yang tumbuh 1.1 peratus (Januari 2023: -4.3 peratus). Walau bagaimanapun, pengeluaran sektor Perlombongan menyusut secara marginal 0.5 peratus pada Februari 2023, selepas mencatatkan pertumbuhan positif selama lapan bulan berturut-turut.”

Beliau juga menambah, "Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan nilai jualan bulanan sebanyak RM134.3 bilion, meningkat 14.7 peratus pada Februari 2023. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subsektor Perdagangan runcit dengan kenaikan RM9.4 bilion atau 19.2 peratus kepada RM58.2 bilion. Kenderaan bermotor juga berkembang 36.1 peratus (+RM4.5 bilion) kepada RM16.9 bilion. Pada tempoh yang sama, Perdagangan borong meningkat 5.9 peratus (+RM3.3 bilion) kepada RM59.1 bilion.”

Mengulas lanjut situasi tenaga buruh semasa, beliau berkata, “Bilangan guna tenaga pada Februari 2023 terus meningkat sebanyak 2.9 peratus kepada 16.19 juta orang. Sementara itu, guna tenaga kepada penduduk meningkat kepada 67.4 peratus, peningkatan 1.1 mata peratus, daripada 66.3 peratus (Februari 2022). Kadar pengangguran merekodkan 3.5 peratus pada bulan tersebut (Januari 2023: 3.6%), didorong oleh bilangan penganggur yang berkurang sebanyak 0.7 peratus (-4.2 ribu orang) kepada 591.9 ribu orang pada Februari 2023 (Januari 2023: 596.1 ribu orang).”

Daripada perspektif harga, inflasi Malaysia pada Februari 2023 kekal 3.7 peratus didorong oleh kumpulan Restoran & Hotel (7.4%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (7.0%) dan Pengangkutan (3.7%). Bagi Mac 2023, inflasi Malaysia mereda kepada 3.4 peratus. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia mencatatkan negatif 0.8 peratus pada Februari 2023 berbanding 1.3 peratus pada

Januari 2023, iaitu penurunan pertama sejak Januari 2021 disebabkan oleh kesan asas dan harga komoditi utama yang lebih rendah. Pada Mac 2023, IHPR terus menyusut kepada negatif 2.9 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, "Prospek ekonomi jangka pendek Malaysia kekal kukuh seperti yang ditunjukkan oleh prestasi sektoral serta pengembangan berterusan keadaan tenaga buruh pada Februari 2023. Tambahan lagi, perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) memulih dengan mencatatkan pertumbuhan 0.6 peratus untuk mencapai 111.6 mata daripada 110.9 mata pada Februari 2022. Trend yang sama juga dapat diperhatikan dalam perubahan bulanan IP yang mencatatkan pertumbuhan 2.9 peratus pada Februari 2023 berbanding negatif 1.5 peratus pada bulan sebelumnya. Meskipun IP terlicin pada Februari 2023 masih berada di bawah trend 100.0 mata, prospek ekonomi dijangka bertambah baik dalam jangka terdekat disokong oleh permintaan domestik dan langkah dasar yang berdaya tahan di bawah Belanjawan 2023."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust"*.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 APRIL 2023



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 4/2023

Malaysia's economy continued its upward performance in February 2023 as shown by monthly key economic indicators

PUTRAJAYA, 28th April 2023 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the ***Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 4/2023***. This edition focuses on the recent statistics released for February 2023 and some forthcoming statistics for March 2023. Furthermore, this edition is complemented with a box article entitled “Using Input-Output Analysis, Estimating the COVID-19 Pandemic's Effects on the Malaysian Economy” which focuses on the impact of the pandemic on the output and value added in Malaysia and subsequently to determine the affected sectors using the Input-Output analysis.

In view of the global economic scenario, the International Monetary Fund (IMF) through its April 2023 World Economic Outlook (WEO) report predicted a 2.8 percent global economic growth in 2023 and 3.0 percent in 2024. The rising cost of living, tightening financial conditions, and persisting COVID-19 pandemic have hampered the economic outlook.

Looking at the country's recent economic indicators, the Chief Statistician mentioned, “Malaysia's total trade registered a double-digit growth in February 2023, increased 11.0 per cent from RM184.7 billion in February 2022 to RM205.0 billion. Exports grew 9.8 per cent to RM112.3 billion, while imports rose 12.4 per cent to reach RM92.7 billion. However, the total trade tapered off by 1.6 per cent in March 2023, to record a value of RM232.7 billion as compared to RM236.5 billion in the same month of the preceding year.”

He further stated that, “Malaysia’s Manufacturing sector’s sales value also returned to post a double-digit growth of 10.3 per cent to register RM145.2 billion in February 2023 contributed by the strong growth in Transport equipment & other manufactures (14.3%), Food, beverages & tobacco products (14.0%) and Electrical & electronics products (10.0%) sub-sectors. The export-oriented industries sales value which accounted for 71.1 per cent of total sales registered an encouraging expansion of 10.0 per cent in February 2023. Similarly, the domestic oriented industries accelerated to 11.0 per cent. Furthermore, Malaysia’s Industrial Production Index (IPI) improved to 3.6 per cent in February 2023 as against the same month in 2022. The February expansion was spearheaded by the Manufacturing sector which rose by 4.9 per cent (January 2023: 1.3 per cent) and the Electricity sector which increased by 1.1 per cent (January 2023: -4.3 per cent). However, the output of Mining sector declined marginally by 0.5 per cent in February 2023, after registering a positive growth for eight consecutive months.”

He also added that, “Malaysia’s Wholesale & Retail Trade recorded monthly sales value of RM134.3 billion, grew 14.7 per cent in February 2023. The incline was attributed to Retail trade sub-sector with an increase of RM9.4 billion or 19.2 per cent to register RM58.2 billion. Motor Vehicles also expanded with 36.1 per cent (+RM4.5 billion) to RM16.9 billion. Within the same period, Wholesale Trade rose 5.9 per cent (+RM3.3 billion) to RM59.1 billion.”

Commenting on the current labour force situation, he said, “The number of employed persons in February 2023 increased further by 2.9 per cent to 16.19 million persons. Subsequently, the employment-to-population rose to 67.4 per cent, increased 1.1 percentage points, from 66.3 per cent (February 2022). The unemployment recorded 3.5 per cent during the month (January 2023: 3.6%), backed by the number of unemployed persons which decreased by 0.7 per cent (-4.2 thousand persons) to 591.9 thousand persons in February 2023 (January 2023: 596.1 thousand persons).”

From the prices perspective, Malaysia’s inflation in February 2023 remained at 3.7 per cent contributed by Restaurants & Hotels (7.4%) and Food & Non-Alcoholic Beverages (7.0%) and Transport (3.7%) groups. For March 2023, Malaysia’s inflation

eased to 3.4 per cent. Meanwhile, Malaysia's Producer Price Index (PPI) recorded a negative 0.8 per cent in February 2023 as against 1.3 per cent in January 2023, the first decline since January 2021 due to base effect and lower prices of primary commodities. In March 2023, PPI declined further to negative 2.9 per cent.

In concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's near-term economic prospects remain upbeat as indicated by the sectorial performance as well as continued expansion of labour force condition in February 2023. Adding to this, the annual change of Leading Index (LI) rebounded by registering a growth of 0.6 per cent to attain 111.6 points from 110.9 points in February 2022. The same trend was also noticeable in the monthly changes of LI which posted a growth of 2.9 per cent in February 2023 as against a negative 1.5 per cent in the previous month. Although the smoothed LI in February 2023 continued below the 100.0 points trend, the economic outlook is expected to improve in the near term supported by domestic demand and resilient policy measures under Budget 2023."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents to provide information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28TH APRIL 2023